

SIMPOSIUM FIQH MASYARAKAT BUKAN ISLAM DALAM NEGARA ISLAM

Tarikh : 23 – 24 Disember 2009 / 6-7 Muharram 1431
Tempat : Dewan Annex, SUK
Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

KECELARUAN FAHAMAN LIBERAL DALAM FIQH: SATU KAJIAN MENGENAI HUKUM WANITA ISLAM BERKAHWIN DENGAN *NON-MUSLIM*

OLEH:
MUHAMMAD ATIULLAH BIN OTHMAN
MOHD NOOR BIN DAUD
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)



Persatuan Ulama' Malaysia Cawangan Selangor
Dengan Kerjasama
Jabatan Agama Islam Selangor dan
Majlis Agama Islam Selangor





KECELARUAN FAHAMAN LIBERAL DALAM FIQH: SATU KAJIAN MENGENAI HUKUM WANITA ISLAM BERKAHWIN DENGAN *NON- MUSLIM*¹

Oleh:

*Muhammad Atiullah bin Othman dan Mohd Noor bin Daud
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UPSI*

Pendahuluan

Pemikiran Liberal adalah arus pemikiran yang menjadi tunjang utama kepada pemikiran Barat ketika ini. Pemikiran ini meletakkan ketertinggian kehidupan manusia; apa yang baik bagi manusia adalah diterima dan sebaliknya apa yang tidak baik, ditolak. Dasar Liberalisme yang mengetengahkan kebajikan untuk semua, diterima oleh masyarakat antarabangsa. Hanya itu sahaja pemikiran asasnya dan tiada dogma lain.

Pemikiran ini sudah diterima baik oleh sebahagian kecil pemikir-pemikir Indonesia. Pemikiran ini semakin gamat dibincangkan apabila fatwa dari Majelis Ulama Indonesia (MUI) mengharamkan pemikiran ini dan menghukumkan mereka terkeluar dari agama Islam.

Penulis hanya menumpukan isu hukum perkahwinan wanita Islam dengan *non-muslim* sebagai bahan bacaan dan rujukan di tengah kancah perbahasan yang sering ditimbulkan golongan ini. Pandangan mereka turut sealiran dengan pandangan Kumpulan Penulis Paramadina dan Interfaith Commission (IFC).

¹ Kertas ini dibentangkan dalam Simposium Fiqh Masyarakat Bukan Islam Dalam Negara Islam anjuran Persatuan Ulama' Malaysia Cawangan Selangor dengan Jabatan Agama Islam Selangor dan Majlis Agama Islam Selangor, pada 23-24 Disember 2009 bersamaan 6-7 Muharram 1431 bertempat di Dewan Annex, SUK Selangor



Sorotan Pandangan Kumpulan Penulis Paramadina, golongan liberal dan IFC

Kumpulan ini terdiri daripada Nurcholish Madrid, Kautsar Azhari Noer, Komaruddin Hidayat, Masdar F. Mas'udi, Zaiunun Kamal, Zuhairi Misrawi, Budhy Munawar-Rachman dan Ahmad Ghaus AF.

Menurut mereka, masalah ini terdapat persoalan serius kerana tidak ada teks suci sama ada Al-Quran, hadis mahupun kitab fiqh yang menghalang pernikahan ini. Menurut mereka, tidak ada larangan yang *sarih* dari Al-Quran. Hanya hadis yang tidak begitu jelas kedudukannya sahaja menjadi sandaran.² Rasulullah s.a.w. bersabda: (kami menikahi wanita-wanita ahli kitab dan laki-laki ahli kitab tidak boleh menikahi wanita-wanita kami (muslimah). Khalifah Umar ibn al-Khattab dalam pesannya berkata: (Seorang muslim menikahi wanita Nasrani, akan tetapi laki-laki Nasrani tidak boleh menikahi wanita Muslimah).³

Mereka menyandarkan pandangan Shudqi Jamil al-'Attar bahawa hadis di atas tidak sah. Hadis tersebut tergolong hadis mauquf, iaitu hadis yang sanadnya terputus hingga Jabir sebagaimana dijelaskan al-Imam al-Syafie di dalam kitabnya al-Umm.⁴ Sedangkan ungkapan Umar ibn al-Khattab merupakan sebuah ungkapan kekhuatiran apabila wanita-wanita Muslim dinikahi laki-laki *non-muslim*, maka mereka akan pindah agama. Sedangkan umat Islam pada ketika itu memerlukan kualiti dan sejumlah penganut yang setia.⁵

Mereka menyimpulkan mengenai pernikahan lelaki *non-muslim* (ahli kitab) dengan wanita Muslim merupakan sesuatu yang diijtihad (tiada nas yang qat'ie) dan sangat bergantung kepada masalah (kepentingan) tertentu. Di antaranya ialah masalah dakwah Islam pada saat ini sehingga pernikahan antara agama merupakan sesuatu yang terlarang.

² Nurcholish Madjid et.al, 2004, *Islam Agama Peradaban: Membangun Makna dan Relevansi Doktrin Islam dalam Sejarah*, Jakarta: Penerbit Paramadina, h.163.

³ Abu Ja'far Muhammad ibn Jarir al-Tabari, *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil ay al-Quran*, pentahqiq: Shudiq Jamil al-Attar, Beirut: Dar al-Fikr, h465.

⁴ Ibid.

⁵ Nurcholish Madjid et al, 2004, op.cit, h.164.



Apabila persoalan ini tiada nas yang qat'ie dan boleh diijtihadkan, tentu sekali boleh bila dicetuskan suatu pendapat baru, iaitu wanita Muslim boleh menikah dengan lelaki *non-muslim* (ahli kitab) atau pernikahan beza agama secara lebih luas amat diperbolehkan apapun agama dan aliran kepercayaannya.⁶

Dalil Yang Digunakan

Mereka mengemukakan tiga hujah yang didakwa berdasarkan kepada tujuan (maqasid) yang dibawa oleh Al-Quran:

- 1) **Konsep pluralisme agama merupakan sunnatullah** yang tidak boleh dihindarkan. Tuhan menyebut agama-agama samawi dan mereka membawa ajaran amal saleh sebagai orang yang akan bersamaNya di syurga nanti. Bahkan Al-Quran juga secara eksplisit (jelas) menyebutkan agar perbezaan jenis kelamin dan suku sebagai tanda agar satu dengan lainnya saling kenal mengenali. Oleh itu, pernikahan antara agama yang berbeza dapat dijadikan salah satu ruang, yang mana antara penganut agama dapat saling berkenalan dengan lebih erat.⁷
- 2) **Tujuan dari perkahwinan adalah untuk membangun kasih sayang.** Melalui perkahwinan yang berbeza agama dapat dijadikan wahana untuk membangun toleransi dan kesefahaman antara pemeluk agama-agama yang berbeza.⁸
- 3) Tujuan yang dibawa Islam adalah **pembebasan dan bukannya belenggu.** Peringkat-peringkat yang dilakukan oleh Al-Quran sejak larangan dengan orang musyrik, kemudian membuka jalan bagi pernikahan dengan ahli kitab merupakan sebuah tahap pembebasan secara berperingkat. Sudah tiba saatnya kita harus melihat agama lain bukan sebagai kelas kedua dan bukan pula *ahl al-Zimmah* dalam erti menekan mereka, tetapi sebagai warganegara.⁹

⁶ Ibid

⁷ Ibid

⁸ Ibid, h.164-165.

⁹ Ibid, h.165.



Perbandingan Pendapat Ulama dan Hujah

Golongan liberal mencetuskan pemikiran dan dakwaan yang berat, perkahwinan wanita Islam dengan lelaki kafir adalah harus. Pandangan ini sangat bertentangan dengan ulama muta'addimin yang sepakat mengatakan bahawa perkahwinan wanita Islam dengan lelaki kafir adalah haram sama ada lelaki itu dari golongan ahli kitab atau musyrik.

Apabila pengkaji memerhatikan secara terperinci berhubung permasalahan ini, ulama muta'akhirin juga membuat penegasan yang sama dengan ulama muta'addimin.

Antaranya adalah pendapat Dr. Yusof Al-Qaradhawi. Beliau menghukumkan haram ke atas Muslimah berkahwin dengan lelaki bukan Islam, sama ada dari kalangan ahli kitab ataupun bukan. Pengharaman ini adalah berlangsung dalam apa keadaan sekalipun.¹⁰

Ungkapan yang sama disebutkan oleh Sayyid Sabiq ketika membincangkan perkara ini. Menurut beliau, ulama sepakat bahawa tidak halal bagi wanita muslimah berkahwin dengan bukan Islam, sama ada mereka daripada golongan musyrik atau ahli kitab.¹¹

Dalil Yang Digunakan

Mereka berdalil dengan menggunakan beberapa dalil naqli (Al-Quran, Sunnah Nabawi dan Athar) dan dalil aqli. Berikut merupakan dalil-dalil yang dikemukakan.

1) Al-Quran

1.1. Firman Allah SWT di dalam surah Al-Baqarah, ayat 221:

وَلَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُوا ۚ وَلَآئِمَةٌ مُّؤْمِنَةٌ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكَةٍ وَلَوْ
أَعْجَبَتْكُمْ ۚ وَلَا تُنكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُوا وَلَعَبْدٌ مُّؤْمِنٌ خَيْرٌ مِّنْ
مُّشْرِكٍ وَلَوْ أَعْجَبَكُمْ ۚ أُولَٰئِكَ يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ ۗ وَاللَّهُ يَدْعُو إِلَى الْجَنَّةِ
وَالْمَغْفِرَةِ بِإِذْنِهِ ۗ وَيُبَيِّنُ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٢١﴾

¹⁰ Yusuf al-Qaradhawi, 1985, *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*, Kaheerah: Maktabah Wahbah, h.179.

¹¹ Sayyid Sabiq, 1987, *Fiqh al-Sunnah*, Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi, cet 8, h.98.



Terjemahan: Dan janganlah kamu menikahi wanita-wanita musyrik, sebelum mereka beriman. Sesungguhnya wanita budak yang mu'min lebih baik dari wanita musyrik, walaupun dia menarik hatimu. Dan janganlah kamu menikahkan orang-orang musyrik (dengan wanita-wanita mu'min) sebelum mereka beriman. Sesungguhnya budak yang mu'min lebih baik dari orang musyrik, walaupun dia menarik hatimu. Mereka mengajak ke neraka, sedang Allah mengajak ke surga dan ampunan dengan izin-Nya. Dan Allah menerangkan ayat-ayat-Nya (perintah-perintah-Nya) kepada manusia supaya mereka mengambil pelajaran.

Menurut M. Quraish. Shihab, larangan mengahwinkan perempuan Muslimah dengan lelaki *non-muslim* termasuklah ahli kitab diisyaratkan oleh ayat ini. Isyarat ini difahami dari pemahaman surah al-Baqarah (2): 221 di atas, yang berbicara tentang bolehnya perkahwinan lelaki muslim dengan wanita ahli kitab dan sedikitpun tidak menyentuh sebaliknya. Oleh itu dapat difahami seandainya pernikahan semacam itu dibolehkan, maka pasti ayat tersebut akan menegaskannya.¹²

1.2. Firman Allah SWT di dalam surah Al-Mumtahanah ayat 10:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا جَاءَكُمْ الْمُؤْمِنَاتُ مُهَجِرَاتٍ فَامْتَحِنُوهُنَّ
اللَّهُ أَعْلَمُ بِإِيمَانِهِنَّ فَإِنْ عَلِمْتُمُوهُنَّ مُؤْمِنَاتٍ فَلَا
تَرْجِعُوهُنَّ إِلَى الْكُفَّارِ لَا هُنَّ حِلٌّ لَّهُمْ وَلَا هُمْ يَحِلُّونَ لَهُنَّ وَءَاتُوهُم
مَّا أَنفَقُوا وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ أَنْ تَنكِحُوهُنَّ إِذَا آتَيْتُمُوهُنَّ
أُجُورَهُنَّ وَلَا تُمْسِكُوا بِعِصَمِ الْكَوَافِرِ وَسْئَلُوا مَّا أَنفَقْتُمْ وَلَيْسَ لَكُمُ
مَّا أَنفَقُوا ذَلِكُمْ حُكْمُ اللَّهِ يَحْكُمُ بَيْنَكُمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١٠﴾

Terjemahan: Dengan yang demikian sekiranya kamu mengetahui bahawa mereka beriman, maka janganlah kamu mengembalikan mereka kepada orang-orang kafir.

¹² M. Quraish, Shihab, 2000, Wawasan Al-Quran: Tafsir Maudhu'i atas pelbagai persoalan umat, Bandung: Penerbit Mizan, h.



Mereka tidak halal bagi orang-orang kafir itu (sebagai isteri) dan orang-orang kafir itu pula tidak halal bagi mereka (sebagai suami).

Menurut al-Qurtubi: (ayat ini bermaksud Allah tidak menghalalkan wanita mukminah kepada lelaki kafir, begitu juga perkahwinan lelaki mukmin dengan wanita musyrikah).¹³

Ayat ini menunjukkan bahawa seorang wanita apabila telah memeluk Islam, maka tercerailah beliau dari suaminya yang kafir. Kesannya, dia tidak halal kepada suaminya dan begitu juga sebaliknya. Pengkaji melihat jika ikatan antara suami isteri yang telah berlangsungpun akan terputus lantaran berbeza agama (Islam dan Musyrik), tentu sekali memulakan akad nikah dari awal lagi tidak boleh.

Menurut al-Qaradhawi, tidak terdapat nas yang mengecualikan ahli kitab daripada hukum ini, maka pengharamannya adalah disepakati dalam kalangan orang Islam.¹⁴

2) Sunnah Nabawi

2.1. Hadis riwayat Jabir bin Abdillah daripada Rasulullah s.a.w., baginda bersabda: (Kita harus berkahwin dengan wanita ahli kitab tetapi lelaki mereka tidak boleh berkahwin dengan wanita kita).¹⁵

Menurut at-Tabari: (Walaupun isnad hadis ini ada sesuatu, tetapi ijmak mengatakan ia boleh diamalkan kerana ramai (ulama) yang berpendapat demikian).¹⁶

3) Athar

3.1 Mengikut riwayat daripada Mujahid, beliau berkata: (Apabila lelaki kafir memeluk Islam ketika isterinya masih dalam tempoh iddah, maka perempuan itu dikira masih isterinya. Sebaliknya, jika suami tidak memeluk Islam selepas isterinya memeluk Islam, maka hendaklah dipisahkan antara keduanya).¹⁷

¹³ Al-Qurtubi, al-Jami li Ahkam Al-Quran, Beirut: Dar al-Fikr, j.18, h.63, al-Baghawi (t.t.) *Tafsir al-Baghawi*, Beirut: Dar al-Ma'rifah, jil. 4, hal. 333.

¹⁴ Yusuf Al-Qaradhawi, 1985, al-Halal wa al-Haram fi al-Islam, h.179.

¹⁵ Imam Tabari meriwayatkannya dalam kitab tafsirnya. Ahmad Muhammad Syakir menyebutkan: (Hadis ini tidak saya jumpai dalam mana-mana kitab hadis, Lihat Surrahman, 2001, Ibid, h.125

¹⁶ Ibid.

¹⁷ Al-Qurtubi, op.cit, j14, h.66.



- 3.2 Riwayat di atas dikukuhkan lagi dengan riwayat mengenai Abu Sufian yang memeluk Islam sebelum isterinya (Hindun binti Utbah). Kemudian isterinya memeluk Islam setelah beberapa hari Abu Sufian memeluk Islam. Kesannya, perkahwinan itu masih kekal kerana masih dalam tempoh iddah.¹⁸
- 3.3 Jabir bin Abdillah pernah ditanya mengenai hukum menikahi wanita Yahudi dan Nasrani, lalu beliau menjawab: (Kami pernah menikah dengan mereka (kaum kafir) di Kufah pada masa pembebasan kota Iraq, kerana kami tidak menemukan wanita Muslimah pada ketika itu. Setelah kami kembali kami pun menceraikan mereka. Wanita-wanita ahli al-kitab itu memang halal kami nikahi, tetapi wanita-wanita kita haram untuk dinikahi mereka).¹⁹
- 3.4 Ibn Jarir meriwayatkan bahawa Umar bin al-Khattab berkata: (Lelaki Islam boleh berkahwin dengan wanita Nasrani tetapi lelaki Nasrani tidak boleh berkahwin dengan muslimah).²⁰

4) **Dalil akal:**

Di dalam perkahwinan berbeza agama sebegini, terdapat kebimbangan terhadap wanita Islam akan terjerumus di dalam kekufuran kerana kebiasaannya suaminya akan menyeru kepada agamanya samada secara langsung atau tidak. Golongan wanita pada kebiasaannya akan mengikuti suami. Oleh itu, perkahwinan sebegini menjadi sebab ke arah perbuatan haram. Perkahwinan ini juga haram kerana segala penyebab yang membawa kepada haram adalah haram.

Menurut M.Quraish. Shihab, wanita Muslimah tidak diperkenankan kahwin dengan lelaki bukan Islam, baik ahli kitab, lebih-lebih lagi kaum musyrik kerana mereka tidak mengakui kenabian Muhammad S.A.W. Sedangkan lelaki Islam mereka percaya kepada Nabi Isa sebagai Nabi. Oleh itu, tidak ada konsep timbal balik dalam

¹⁸ Ibid, j. 14, h.67.

¹⁹ Syaikh Hassan Ayub, 2001, Fikih Keluarga, Jakarta: Pustaka Kautsar, h. 144.

²⁰ Ibn Kathir Abu al-Fida', *Tafsir al-Quran al-'Azim*, Beirut: Dar al-Fikr, j1, h.257, al-Mudawwanah al-Kubra, j2, h.298, lihat juga Surrahman Hidayat, op.cit, h.134.



perkahwinan. Selain itu, lelaki biasanya, bahkan sepatutnya menjadi pemimpin rumah tangga dapat mempengaruhi isterinya.²¹

Al-Qaradhawi berpendapat, keharusan seorang lelaki Islam berkahwin dengan wanita bukan Islam Kitabiah kerana lelaki merupakan ketua keluarga dan pemimpin ke atas seorang isteri. Islam memberikan kebebasan beragama kepada wanita Kitabiah sepanjang berada di bawah kepimpinan keluarga suaminya yang beragama Islam, tetapi agama lain seperti Yahudi dan Nasrani tidak memberikan jaminan kepada wanita Islam yang berada di bawah kepimpinan keluarga yang tidak beragama Islam.²²

Penutup

Jelaslah apa yang dicanang oleh pemikiran liberal hanyalah menumpukan kepada tujuan (maqasid) hukum sahaja bukan berdasarkan kepada kaedah-kaedah *istinbat* yang diketengahkan oleh para ulama. Ini adalah bertepatan dengan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (Muzakarah Kali Ke-74) menyebut:

Aliran pemikiran liberal ini mempunyai kaedah yang tersendiri apabila merujuk kepada hukum-hukum Fiqh iaitu mengambil tujuan hukum bukan bentuk hukum.²³

Penegasan dari ulama moden dapat mengukuhkan lagi pandangan ulama silam. Pandangan yang mengharamkan perkahwinan wanita muslimah dengan lelaki *non-muslim* adalah berterusan sejak dahulu sehingga kini.

²¹ M.Quraish. Shihab, *Tafsir al-Misbah: Pesan, Kesan dan Kerugian al-Quran*, Ciputat: Penerbit Lentera Hati, j. 3, h.29.

²² Yusuf al-Qaradhawi, 1985, *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*, h.180.

²³ Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (2009) , JAKIM, Kuala Lumpur: Visual Print, m/s: 17.